

**Remaja Sakit Kronik Gembira Berbual Dengan PM
Bernama
19 Ogos, 2011**

TAIPING, 19 Ogos (Bernama) -- Tarikh 19 Ogos akan kekal dalam ingatan Nurul Atikah Bazilah Samsudin sebagai kenangan manis kerana berpeluang berbual dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Remaja berusia 14 tahun itu yang kini berjuang menentang barah tulang kronik telah lama memasang impian untuk bercakap dengan Perdana Menteri, dan pada 19.15 pagi tadi impian tersebut menjadi kenyataan.

Nurul Atikah berpeluang berbual selama lima minit dengan Najib, menggunakan telefon bimbit Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir yang mengunjungi beliau di rumahnya di Taman Mewah, Kamunting, di sini.

Kata Nurul Atikah, Perdana Menteri memberi nasihat dan kata-kata semangat kepadanya.

"Perdana Menteri juga sempat bertanya khabar keadaan kesihatan saya serta ibu bapa dan yang paling mengembirakan ialah berpeluang mengucapkan 'Selamat Hari Raya' kepada Datuk Seri Najib yang merupakan idola saya," katanya. Zambry bersama isterinya Datin Seri Saripah Zulkifli meluangkan masa kira-kira sejam dengan Nurul Atikah dan keluarganya.

Pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Kamunting itu menghidap kanser tulang sejak dua tahun lepas, namun tiga minggu lalu penyakitnya disahkan di tahap akhir.

Zambry berkata semangat yang ditunjukkan Nurul Atikah begitu tinggi kerana masih mampu bercakap sekalipun dalam kesakitan.

Katanya, Nurul Atikah juga nampak riang sekali apabila dapat berbual dengan Perdana Menteri dan diharap ia memberi semangat serta inspirasi baru kepada gadis itu untuk berjuang melawan penyakit yang dihidapinya.

Bapanya Samsudin Hasbullah, 53, sementara itu berkata sejak disahkan menghidap penyakit tersebut, anak gadisnya itu telah menjalani lebih 18 sesi rawatan kemoterapi di Pusat Perubatan Universiti Malaya.

"Selama dua tahun ini kita berulang-alik ke Kuala Lumpur untuk rawatan Atikah dan kini kanser itu telah merebak ke paru-paru anak saya...sebelum ini Atikah dapat bergerak menggunakan kerusi roda tetapi sejak kebelakangan ini dia semakin kronik dan hanya mampu berbaring,"katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609174>